



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 13/2023


**KEBENARAN PULANG KERJA AWAL KEPADA STAF
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN SEMPENA
HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2023/ 1444 HIJRAH**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berhubung kebenaran pulang kerja awal sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023/ 1444 Hijrah;
2. Universiti bersetuju membenarkan semua staf UMK untuk pulang kerja awal pada hari KHAMIS, 20 April 2023 **mulai jam 12:00 tengah hari dengan diwajibkan untuk merekodkan waktu pulang** melalui *Mobile Apps Sinimo*;
3. Kemudahan ini diberikan untuk memberi peluang kepada staf membuat persiapan awal hari raya dan mengelak staf tersekat dalam kesesakan trafik semasa pulang pada hari terakhir bekerja;
4. Turut diingatkan kepada semua staf supaya sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga sepanjang tempoh bercuti hari raya; dan
5. Pihak Pengurusan UMK mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1444 Hijrah kepada semua staf. Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar

19 APRIL 2023

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab